

Baca dan fahami catatan diari Rajini.

**22 Ogos**  
**(Sehari sebelum pertandingan)**

- Saya berasa bangga apabila sekolah saya menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Robotik Pintar Kubangseran.
- Saya dan rakan-rakan membantu guru serta pekerja sekolah menyiapkan perhiasan dan membersihkan dewan.

**23 Ogos**  
**(Pada hari pertandingan)**

**7.00 pagi**  
**Pendaftaran peserta**

- Saya dan rakan-rakan yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa (A.J.K.) pendaftaran membantu guru menguruskan pendaftaran peserta.
- Rakan-rakan pengawas yang bertugas sebagai peminjak arah pula menunjukkan arah dan mengiringi peserta ke tempat pertandingan.

**10.00 pagi**  
**Sarapan pagi**

- Rakan-rakan yang terlibat sebagai A.J.K. jamuan membantu guru menguruskan makanan dan minuman untuk dihidangkan kepada peserta pertandingan.

**12.30 tengah hari**  
**Makan tengah hari**

- Rakan-rakan yang terlibat sebagai A.J.K. jamuan membantu untuk menyediakan makanan tengah hari kepada ahli pertandingan, guru pengiring dan peserta pertandingan.

**2.00 petang**  
**Pertandingan diteruskan**

- A.J.K. jamuan mengadakan minuman kepada peserta.
- Saya dan rakan-rakan memberikan sokongan moral kepada pasukan negara kami.

**4.00 petang**  
**Majlis penutupan**

- Rakan-rakan yang terlibat sebagai A.J.K. hadiah membantu guru menyusun dan menyediakan hadiah untuk para pemenang.
- Selepas majlis selesai, saya dan warga sekolah mengemas dan membersihkan dewan bersama-sama.
- Kami sangat gembira kerana pertandingan ini berlangsung dengan jayanya hasil kerjasama semua pihak.

Drag dan drop catatan Rajini dalam kategori yang betul.

Aktiviti Kerjasama

Menggambarkan Perasaan